



TERIMA PELANTIKAN: Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan watikah pelantikan Canselor SyUC kepada Jeffrey Cheah.

Kolej Universiti Sunway rintis program kembar

Oleh Rusnita Pechok

SEJAK 20 tahun lalu, Kolej Universiti Sunway (SyUC) merintis konsep berkembar dengan institusi pengajian tinggi asing bagi menyediakan peluang pelajar Malaysia mengikuti pengajian ijazah universiti luar negara.

“Untuk masa depan, kami bukan saja perlu inovatif tetapi strategik bagi menghadapi persaingan semakin sengit dalam mendapatkan pelajar tempatan dan antarabangsa.

“Oleh itu, kita perlu berpandangan global dan mempunyai kepimpinan baik untuk bersaing dalam arena antarabangsa,” kata tokoh korporat dan Pengasas Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah Fook Ling.

Beliau berkata demikian pada majlis pelantikannya sebagai Canselor pertama SyUC yang disempurnakan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin

Idris Shah di Bandar Sunway, baru-baru ini.

Anak kelahiran Perak itu mendapat pendidikan rendah dan menengah di Batu Gajah sebelum menyambung pengajian di Footscray Institute

of Technology yang kini dikenali sebagai Universiti Victoria, Melbourne, Australia.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai akauntan sebelum menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan seterusnya menubuhkan Kumpulan Sunway pada 1974.

Walaupun sibuk dalam bidang perniagaan, Jeffrey Cheah menunjukkan minat mendalam terhadap pendidikan yang akhirnya membawa kepada penubuhan Kolej Sunway pada 1987 (kini SyUC).

Bermula dengan hanya 200 pelajar, institusi pendidikan itu kini mempunyai 7,000 penuntut yang mengikuti pelbagai peringkat pengajian, termasuk dari 50 negara luar.

Di bawah kepimpinan Jeffrey Cheah, kolej universiti itu menyediakan sistem penyelidikan menyeluruh bagi memenuhi aspirasi pendidikan hari ini untuk masa depan.

FAKTA NOMBOR

Kolej Universiti Sunway

7,000

Jumlah pelajar sekarang

200

Jumlah pelajar 1987

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.